



2019-2022

JABATAN HUTAN SARAWAK

Pelan
PENGURUSAN RISIKO RASUAH

PRAKATA

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management Plan (CRMP)* merupakan satu pelan tindakan bagi memperkuatkan tadbir urus, menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam sebuah organisasi. Penambahbaikan yang berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah Pelan tersebut sentiasa relevan dengan persekitaran dan perubahan semasa.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga penerbitan ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada warga Jabatan dalam usaha membanteras rasuah dan menambahbaik tadbir urus di samping memartabatkan serta membudayakan integriti di Jabatan.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

**Unit Integriti dan Audit Dalam
Jabatan Hutan Sarawak
Wisma Sumber Alam,
Jalan Stadium, Petra Jaya
93660, Kuching, SARAWAK**



**Perutusan
Setiausaha Tetap**
Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam Sejahtera dan Salam Ibu Pertiwiku.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Jabatan Hutan Sarawak berjaya menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau dikenali sebagai Corruption Risk Management Plan (CRMP-JHS).

Kerajaan Negeri telah menjadikan pengukuhan integriti dan pembanterasan rasuah sebagai satu agenda dan fokus utama dalam meningkatkan produktiviti, akauntabiliti, ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam negeri. Justeru, CRMP yang telah dibangunkan ini perlu dilaksanakan dengan tekad dan azam yang tinggi untuk memastikan setiap warga kerja berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh rasuah selaras dengan tuntutan agama, aspirasi Kerajaan dan rakyat.

Strategi dan pendekatan yang terdapat dalam Pelan ini berupaya meningkatkan pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan terhadap nilai-nilai integriti yang akhirnya dapat menampilkan warga kerja jabatan yang bertanggungjawab dan mengamalkan prinsip-prinsip integriti dalam segenap aspek kehidupan. Saya menyeru agar setiap usaha dan komitmen yang lebih berkesan dan tersusun menjadi suatu tindakan yang bersifat holistik dan berterusan di setiap peringkat organisasi.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen tinggi semua pihak dalam menyediakan CRMP-JHS ini. Semoga apa jua yang kita usahakan pada hari ini akan membawa hasil yang baik pada masa hadapan.

**YBHG. DATU SR ZAIDI BIN HAJI MAHDI
(SETIAUSAHA TETAP)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BANDAR DAN SUMBER ASLI**



Kata-Kata Aluan Pengarah Hutan Sarawak

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam Sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merangka PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH - JABATAN HUTAN SARAWAK 2019-2022.

CRMP-JHS 2019-2022 ini amat penting kepada Jabatan untuk merealisasikan visi dan misi Jabatan ke arah untuk menjadi sebuah organisasi yang diiktiraf di peringkat global dalam pengurusan hutan tropika secara mampan. Menyedari kepentingan serta usaha pencegahan rasuah, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Management Plan (CRMP-JHS) yang digubal ini bertujuan untuk membudayakan dan memperkuatkannya integriti dalam kalangan warga kerja Jabatan melalui pelaksanaan tindakan-tindakan preventif dan proaktif seperti mana yang digariskan di bawah pelan tersebut. CRMP-JHS merupakan satu mekanisme pengurusan yang efektif dalam menangani isu-isu risiko rasuah dan mewujudkan sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

Objektif utama CRMP-JHS 2019-2022 ini dikeluarkan adalah sebagai panduan untuk semua warga Jabatan baik di peringkat atasan maupun di peringkat sokongan agar melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Ini penting agar semua ketirisan yang berlaku dapat dibendung dan dibanteras bagi memastikan khazanah sumber hutan Negeri Sarawak diurus secara berkekalan dengan mengambil kira aspek ekonomi, kepentingannya kepada masyarakat dan alam sekitar.

Akhirnya saya menggesa semua warga Jabatan agar sentiasa peka dengan setiap perubahan yang berlaku dalam Jabatan demi kebaikan semua. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan dapat ditambahbaik berdasarkan persekitaran dan dasar baru Kerajaan.

**YBHG. DATU HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD
PENGARAH HUTAN SARAWAK**

SENARAI RAJAH

Rajah	Komponen	Muka Surat
Rajah 1	Komponen Utama Pengurusan Risiko Rasuah	8
Rajah 2	Proses Penilaian Risiko Rasuah	10
Rajah 3	Pemetaan Risiko Rasuah (<i>Risk Map</i>) Jabatan Hutan Sarawak	13
Rajah 4	Pemetaan Sasaran Baki Risiko Rasuah (<i>Residual Risk Rating</i>)	26

SENARAI JADUAL

Jadual	Komponen	Muka Surat
Jadual 1	Ringkasan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak	11
Jadual 2	Senarai Pernyataan Risiko-risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak	12
Jadual 3	Potensi Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak	14-16
Jadual 4	Senarai pernyataan risiko-risiko rasuah Jabatan Hutan Sarawak	17
Jadual 5	Ringkasan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak	18
Jadual 6	Format Pelaporan dan Pemantauan Pelan Risiko Rasuah JHS	21-23
Jadual 7	Sasaran Baki Tahap Risiko bagi setiap Bidang Tugasan / Fungsi Bahagian	24

ISI KANDUNGAN


	Muka surat
Prakata	i
Perutusan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Bandar Dan Sumber Asli	ii
Kata-Kata Aluan Pengarah Hutan	iii
Senarai Rajah dan Senarai Jadual	iv
1.0 Mukadimah	1
2.0 Misi dan Visi	2
3.0 Objektif	2
4.0 Fokus Utama Jabatan Hutan Sarawak	3
4.1 Alam Sekitar	
4.2 Ekonomi	
4.3 Sosial	
5.0 Carta Organisasi Jabatan Hutan Sarawak	4
6.0 Fungsi Dan Piagam Pelanggan Jabatan Hutan	
6.1 Fungsi Jabatan Hutan Sarawak	5
6.2 Fungsi-Fungsi Berkanun	6
6.3 Piagan Pelanggan	7
7.0 Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak	
7.1 Apakah Pelan Pengurusan Risiko Rasuah?	8
7.2 Pelan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak	8
7.3 Komponen utama Pelan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak	9
7.4 Proses Penilaian Risiko Rasuah	11
7.5 Pengukuran Risiko Rasuah	12
7.5.1 Pemetaan Risiko Rasuah	13
7.5.2 Potensi Risiko Rasuah	14
7.6 Pelan Tindakan Risiko Rasuah	17
7.6.1 Ringkasan Pelan Tindakan Risiko Rasuah	18
7.7 Strategi Pemantauan Pelan Risiko Rasuah	20
7.7.1 Pengenalan	20
7.7.2 Pelaporan Dan Jadual Pemantauan Perlaksanaan Pelan Risiko Rasuah	21
8.0 Pencapaian Sasaran Menidakkan Rasuah	24
9.0 Kesimpulan Dan Penutup	27

1.0 MUKADIMAH

Jabatan Hutan Sarawak yang ditubuhkan sejak tahun 1919 telah menerajui pengurusan hutan berkekalan di Negeri Sarawak. Sektor perhutanan telah memacu pertumbuhan ekonomi negeri dengan menyumbangkan hasil kepada negeri. Trajektori perhutanan yang menekankan keseimbangan alam sekitar, ekonomi dan sosial telah menjadikan Sarawak sebuah negeri yang unggul dalam pengurusan hutan berkekalan. Dasar Perhutanan Negeri, 1954 telah menggariskan strategi utama dalam pengurusan hutan berkekalan dan konservasi hutan meliputi:

- (a) Meningkatkan keluasan kawasan estet hutan simpan kekal;
- (b) Menguatkuasakan ordinan-ordinan dan peraturan-peraturan hutan;
- (c) Mengamalkan sistem pengusahaan secara terpilih;
- (d) Mengamalkan pelbagai guna sumber hutan;
- (e) Menjalankan perancangan, penyelidikan dan pembangunan dalam sektor perhutanan;
- (f) Menubuhkan lebih banyak kawasan terlindung sepenuhnya dan menjalankan inventori sumber hutan di kawasan ini;
- (g) Membangunkan kemudahan prasarana dan infrastruktur kawasan terlindung sepenuhnya untuk pelancongan; dan
- (h) Menjalankan penyelidikan pengurusan konservasi hidupan liar secara berterusan.


Selaras dengan sambutan 100 tahun penubuhan Jabatan Hutan Sarawak, program transformasi yang berterusan perlu dilaksanakan bagi mencapai sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan berprestasi tinggi. Antara pelan transformasi yang telah dirangka adalah kajian semula Dasar Perhutanan Negeri, Pelaksanaan Pensijilan Pengurusan Hutan, Aplikasi Teknologi Dalam Perhutanan, Restorasi, Mengenalpasti Sumber Pendapatan Baharu dari sektor Perhutanan dan Kolaborasi Penyelidikan dan Pembangunan. Pelan transformasi ini perlu disokong melalui perkhidmatan yang berintegriti yang dipandu melalui PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH - JABATAN HUTAN SARAWAK 2019-2022.



2.0 MISI DAN VISI JABATAN HUTAN SARAWAK

2.1 VISI

“Diiktiraf Dalam Pengurusan Hutan Lestari Peringkat Global”.



2.2 MISI

“Mengurus dan Membangunkan Sumber Hutan Untuk Kemampanan Sosio-Ekonomi dan Alam Sekitar”.

3.0 OBJEKTIF JABATAN

Mengurus sumber hutan secara berkekalan melalui perancangan penggunaan sumber yang cekap, pembangunan modal insan dan pematuhan terhadap undang-undang serta peraturan sedia ada.

4.0 FOKUS UTAMA JABATAN HUTAN SARAWAK

4.1 Alam Sekitar

Jabatan Hutan Sarawak akan memberi penekanan utama dalam memantapkan bidang keselamatan hutan *forest security* dan integriti alam sekitar. Penekanan ini melibatkan pemantapan fungsi dan tanggungjawab dalam pengurusan hutan berkekalan, pencegahan dan penguatkuasaan hutan dan memperkasakan penggunaan teknologi perhutanan dan geospatial dalam pengurusan hutan.

4.2 Ekonomi

Aspek ekonomi hutan diperkuatkan dengan integriti dan ketelusan data perhutanan, meningkatkan hasil-hasil hutan melalui konsep “*forest beyond timber*”, memperkasakan fungsi restorasi dan pemuliharaan dan pelesenan hutan.

4.3 Sosial

Fungsi dan tanggungjawab sosial diperkuatkan dengan meningkatkan program penyelidikan, pembangunan dan inovasi, perhutanan sosial, pewartaan dan konservasi alam sekitar. Di samping itu, hubungan dan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa yang melibatkan pelbagai “*stakeholders*” untuk meningkatkan reputasi Kerajaan dalam sektor perhutanan di Sarawak.

CARTA ORGANISASI JABATAN HUTAN SARAWAK



6.0 FUNGSI DAN PIAGAM PELANGGAN JABATAN HUTAN SARAWAK

6.1 FUNGSI JABATAN HUTAN SARAWAK

Jabatan Hutan Sarawak telah mensasarkan matlamat yang tinggi untuk menjadi agensi yang terunggul dalam pengurusan hutan tropika di dunia. Dorongan ini memerlukan Jabatan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan fungsi yang lebih holistik selaras dengan perkembangan semasa. Antara fungsi-fungsi Jabatan yang telah dikaji semula adalah seperti berikut:

- (i) mengurus sumber hutan di Sarawak selaras dengan prinsip pengurusan hutan berkekalan,
- (ii) melaksana dasar dan penguatkuasaan undang-undang di bawah Ordinan Hutan, 2015 dan peraturan hutan yang lain,
- (iii) mewarta kawasan hutan sebagai Hutan Simpan, Hutan Perlindungan dan Hutan Komunal,
- (iv) mengawal selia pengeluaran lesen dan permit di bawah Ordinan Hutan, 2015 termasuk pendaftaran pelesen, mesin dan tenaga kerja sektor pembalakan,
- (v) mengena dan mengutip royalti, premium, fi dan pembayaran lain kepada Kerajaan termasuk pemantauan, pelaporan dan verifikasi hasil-hasil hutan,

- (vi) mengawal selia dan memantau pengeluaran dan eksport kayu balak di Sarawak,
- (vii) melaksana penyelidikan dan pembangunan, inovasi teknologi perhutanan, inventori, dokumentasi dan konservasi biologi sumber hutan termasuk mengawal selia kerja penyelidikan,
- (ix) memantau, melapor dan menjalankan verifikasi pelaksanaan ladang hutan di Sarawak,
- (x) melaksana program perhutanan sosial di Sarawak.

6.2 FUNGSI-FUNGSI BERKANUN **STATUTORY FUNCTIONS** JABATAN HUTAN SARAWAK

Tiga (3) fungsi utama ini dilaksanakan oleh sepuluh (10) bahagian (rujuk 5.0) yang terdapat dalam struktur organisasi JHS. Kesepuluh bahagian ini bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi berkanun *statutory functions* seperti di bawah :

- (i) Mewartakan ‘Forest Reserves’, ‘Protected Forests’, ‘Communal Forests’, ‘National Parks’, Nature Reserves and Wildlife Sanctuaries’;
- (ii) Mengeluarkan lesen dan permit di bawah *Forests Ordinance 2015*
- (iii) Mengenakan dan mengutip cukai (*royalty*), premium, fi (*fee*) dan lain-lain bayaran kepada Kerajaan Negeri; dan
- (iv) Menguruskan pengeluaran kayu balak secara keseluruhannya dan mengawal selia pengeluaran kayu balak untuk diekspot keluar dari Sarawak.

6.3 PIAGAM PELANGGAN JABATAN HUTAN SARAWAK

Jabatan Hutan Sarawak telah menggariskan beberapa piagam pelanggan selaras dengan fungsi dan tanggungjawabnya seperti berikut:

- i. Memastikan aduan pelanggan yang diterima akan diberi respon dalam tempoh lima (5) hari bekerja;
- ii. Memastikan aduan pelanggan berkaitan dengan kes pelanggaran undang-undang hutan negeri akan diberi respon dalam masa 24 jam;
- iii. Memastikan kertas siasatan berkaitan dengan aduan akan dibuka dan dilengkapkan dalam masa sebulan;
- iv. Memastikan pendaftaran kontraktor baru untuk lesen pembalakan dibuat dalam masa 14 hari bekerja;
- v. Memastikan kuota kayu balak (*log quota*) untuk lesen pembalakan diurus dalam tempoh 21 hari bekerja;
- vi. Memastikan maklumbalas permohonan untuk membuat penyelidikan hutan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja;
- vii. Memastikan maklumbalas permohonan maklumat berkaitan dengan guna tanah diurus dalam tempoh 18 hari bekerja; dan
- viii. Memastikan Jabatan Hutan Sarawak menggunakan teknologi terkini selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Sarawak.

7.0 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH JABATAN HUTAN SARAWAK (2019-2022)

7.1 APAKAH PENGURUSAN RISIKO RASUAH?

Pengurusan Risiko Rasuah atau ‘*Corruption Risk Management Plan*’ (CRMP), adalah merupakan satu mekanisme pengurusan (*management tool*) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah bagi sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

7.2 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH JABATAN HUTAN SARAWAK

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak telah melalui dua (2) siri bengkel dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan sesi perbincangan di peringkat Jabatan seperti berikut:

- (i) Bengkel Pengenalan kepada CRMP oleh SPPM pada 16 – 18 Oktober 2018;
- (ii) Bengkel CRMP JHS 2018 pada 13 – 15 Disember 2018 (Lampiran 1);
- (iii) Sesi perbincangan penetapan dan pemetaan risiko rasuah JHS pada 25 Mac 2019.


Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah perlu melalui proses-proses yang tersusun daripada penetapan konteks sesuatu risiko, penilaian risiko, analisis risiko, penetapan tahap risiko rasuah serta penetapan opsyen bagi rawatan risiko rasuah *risk treatment option*. Peringkat penyediaan adalah melibatkan kawalan/ pemantauan untuk memastikan segala pelan tindakan yang digariskan telah dilaksanakan bagi tujuan menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah.

7.3 KOMPONEN UTAMA PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH JABATAN HUTAN SARAWAK


Komponen utama bagi pelan pengurusan risiko rasuah perlu dikaitkan dengan fungsi-fungsi yang dilaksanakan oleh sesuatu organisasi. Jabatan Hutan Sarawak mempunyai fungsi-fungsi seperti yang digariskan pada para 6.1 yang dilaksanakan oleh Bahagian-Bahagian di Jabatan. Pelaksanaan fungsi-fungsi Jabatan disokong oleh Pejabat Hutan Wilayah yang terdapat di seluruh Sarawak. Komponen utama Plan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak (CRMP-JHS) adalah digambarkan seperti dalam Rajah 1.

RAJAH 1 : KOMPONEN UTAMA PENGURUSAN RISIKO RASUAH


4. PELAN TINDAKAN & PEMANTAUAN




1. KENALPASTI



2. PENGUKURAN



3. KAWALAN



Tinggi
Signifikan
Sederhana
Rendah

Significant	Significant	High	High	High
Moderate	Significant	Significant	High	High
Low	Moderate	Significant	High	High
Low	Low	Moderate	Significant	High
Low	Low	Moderate	Significant	Significant

7.4


PROSES PENILAIAN RISIKO RASUAH

Risiko rasuah yang telah dikenalpasti berdasarkan bidang fungsi tugas setiap bahagian akan melalui proses penilaian bertujuan untuk mengetahui punca-punca yang menyumbang kepada berlakunya rasuah melalui:

- (i) menilai akibat / kesan rasuah terhadap sesbuah organisasi;
- (ii) menilai tahap risiko kasar bagi sesuatu pernyataan rasuah;
- (iii) menganalisa kawalan sedia ada dan keberkesanannya;
- (iv) menentukan kawalan tambahan yang boleh dicadangkan untuk mengurangkan risiko sesuatu rasuah; dan
- (v) menilai pilihan rawatan risiko dan menganggar tahap baki risiko setelah rawatan dilaksanakan; dan
- (vi) merekabentuk pelan tindakan serta sasaran bagi mengurangkan/menangani risiko berlakunya sesuatu rasuah.

Setiap bidang risiko rasuah yang telah melalui proses penilaian akan diambil tindakan berdasarkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah yang telah dicadangkan. Kemajuan bagi setiap pelan tindakan akan dinilai dan disemak bagi mengetahui keberkesanannya serta tahap pencapaian pelan tindakan tersebut dalam mengurangkan potensi risiko rasuah. Pelaporan dan pemantauan berterusan akan dilaksanakan secara berkala bagi memastikan sasaran pengurangan risiko rasuah untuk sesuatu bidang tugasan dapat dicapai dengan jayanya. Proses penilaian risiko rasuah ini adalah diterangkan seperti dalam Rajah 2.

RAJAH 2 : PROSES PENILAIAN RISIKO RASUAH



7.5 PENGUKURAN RISIKO RASUAH

Proses Penilaian Risiko Rasuah yang telah dijalankan menerusi bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (*Anti Corruption Management Plan*) di peringkat Jabatan Hutan Sarawak yang lalu telah mengenalpasti beberapa potensi risiko rasuah mengikut bidang tugas / fungsi bahagian / unit di Jabatan. Tahap risiko rasuah bagi Jabatan Hutan Sarawak adalah diringkaskan seperti di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Ringkasan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak

Bil.	Tahap Risiko	Bilangan Risiko
1	Tinggi (High)	3
2	Signifikan (Significant)	0
3	Sederhana (Moderate)	0
4	Rendah (Low)	0
Jumlah Keseluruhan		3

7.5.1 PEMETAAN RISIKO RASUAH


Senarai bagi pernyataan risiko-risiko rasuah yang telah dikenalpasti untuk setiap bidang tugas / fungsi bahagian / unit di dalam Jabatan Hutan Sarawak adalah seperti di dalam Jadual 2.

Penilaian bagi tahap risiko rasuah untuk setiap bidang tugas/fungsi bahagian/unit terlibat dapat ditentukan menerusi pemetaan risiko rasuah seperti digambarkan di dalam Rajah 3.

Jadual 2: Senarai pernyataan risiko-risiko rasuah Jabatan Hutan Sarawak

Bil.	Risiko-risiko Rasuah
1.	Proses penilaian, semakan dan kelulusan lesen pembalakan tidak tepat.
2.	Penyelewengan dalam proses perolehan barang dan perkhidmatan
3.	Membuat tuntutan palsu

RAJAH 3: PEMETAAN RISIKO RASUAH (RISK MAP) JABATAN HUTAN SARAWAK



7.5.2

POTENSI RISIKO RASUAH

Penjelasan secara terperinci bagi potensi risiko rasuah Jabatan Hutan Sarawak berdasarkan kepada bidang tugas / fungsi setiap bahagian adalah seperti di dalam Jadual 3.

Jadual 3:Potensi Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak

No.	Risiko / Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
MPD/LID							
1.	Proses penilaian, semakan dan kelulusan lesen pembalakan tidak tepat.	<ol style="list-style-type: none">1. Tidak patuh kepada SOP sedia ada, (TOR 1 & 2)2. Akses pihak pemohon kepada pegawai pemprosesan, (TOR 5)3. Terpengaruh dengan janji pemohon, (TOR 8)4. Pegawai kurang integriti dan (TOR 5)5. Campur tangan pihak yang berpengaruh. (TOR 5 & 8)	<ul style="list-style-type: none">➢ Meningkatkan kesan buruk kepada persekitaran dan sosial➢ Kerugian kepada kerajaan➢ Reputasi jabatan akan tercemar➢ Aduan awam meningkat	Major	Likely	High	Reduce

No.	Risiko / Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
BKP/RDID/SFD							
2.	Penyelewengan dalam proses perolehan barang dan perkhidmatan	1. Perolehan melalui jemputan (<i>selective quotation</i>) (TOR 1 & 2) 2. Pegawai kurang berintegriti (TOR 3) 3. Kurang pemantauan / audit (TOR 5) 4. Pegawai kurang kompeten (TOR 3) 5. Monopoli oleh syarikat tertentu (TOR 2) 6. Saluran aduan kurang berkesan (TOR 4) 7. Sistem filing yang tidak terkawal (TOR 2 & 5) 8. Tiada pengiliran pembekal yang dibuat terutamanya untuk pembelian terus dan JPT (TOR 2 & 5) 9. Syarikat menggunakan <i>dummy company profile</i> (TOR 1) 10. Pegawai projek mempengaruhi keputusan jawatankuasa semasa mesyuarat diadakan (TOR 2 & 5) 11. Pegawai mempunyai kepentingan sendiri (TOR 3) 12. Mengamal sistem <i>favouritism</i> terhadap syarikat yang dijemput / dipilih untuk membida (TOR 2 & 4)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Imej jabatan tercalar ➤ Berlaku ketirisan dalam jabatan ➤ Aduan awam meningkat 	Major	Likely	High	

No.	Risiko / Potensi Risiko Rasuah	Punca-Punca	Akibat	Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko	Tindakan
PED/PHW/BKP							
3.	Membuat tuntutan palsu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sistem prosedur kerja yang tidak efektif, tiada tapisan pengesanan tuntutan, (TOR 2) 2. Pegawai kurang integriti-sikap tamak, gaya hidup mewah, (TOR 3) 3. Tiada pemantauan dan tindakan tegas diambil untuk pegawai yang membuat tuntutan palsu. (TOR 5) 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Imej jabatan terjejas ➤ Menjejaskan aliran wang tunai jabatan / terlebih bayaran, ➤ Tuntutan palsu jadi amalan 	Major	Likely	High	Reduce

7.6

PELAN TINDAKAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Setiap potensi risiko rasuah yang telah dinilai tahap risiko perlu dicadangkan untuk diambil tindakan pencegahan menggunakan elemen Pilihan Rawatan Risiko (TRAP) seperti berikut:

- I. Hapuskan (*Terminate*);
- II. Kurangkan (*Reduce*);
- III. Terima (*Accept*); dan
- IV. Pindah (*Pass On*)

Setelah pilihan yang bersesuaian dan rasional dikenalpasti, pelan tindakan perlu dijadualkan dan dinilai berdasarkan terma rujukan (*term of reference*) ACMP seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4:Terma Rujukan (TOR) ACMP

No.	Terma Rujukan (TOR)
1	Dasar dan Perundangan
2	Sistem dan Prosedur Kerja
3	Nilai-nilai Murni dan Kod Etika
4	Pengurusan Pelanggan
5	Kawalan Dalaman
6	Pengesahan, Punitif dan Pemulihan
7	Pengiktirafan dan Penghargaan
8	Lain-lain Terma

Setiap Bahagian / unit yang berkaitan di Jabatan akan dipertanggungjawabkan / ditugaskan untuk menambahbaik sesuatu kawalan tambahan / pelan tindakan yang telah dicadangkan.

7.6.1 RINGKASAN PELAN TINDAKAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Ringkasan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Ringkasan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak

No.	Aktiviti / Proses Kerja Utama & Bidang Risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran Tarikh Pelan Terperinci
1.	Proses penilaian, semakan dan kelulusan lesen pembalakan tidak tepat.	1. Audit daripada pihak ketiga (audit luar), 2. Penambahbaikan prosedur (SOP) sedia ada, dan 3. Kerahsiaan maklumat pegawai pemprosesan (akses orang luar ke Bahagian Pelesenan diperketatkan).	2, 3, 5	UPI LID dan UPI LID	Disember 2020 Disember 2020 Julai 2020
2.	Penyelewengan dalam proses perolehan barang dan perkhidmatan	1. Menambahbaik tatacara perolehan melalui jemputan supaya lebih telus 2. Meningkatkan kekerapan kursus motivasi dan nilai murni 3. Membuat pemeriksaan mengejut dan menjalankan audit dengan kerap 4. Meningkatkan kekerapan kursus perolehan 5. Mewujudkan dasar pusingan/ giliran penawaran kepada kontraktor yang memberi perkhidmatan yang sama 6. Mewujudkan saluran aduan berkesan dengan memperkasakan ' <i>whistle blowing policy</i> '	2, 3,8 2,5 8 2 2	BKP/SFD/RDID BKP/UPI UPI BKP/UPI BKP/SFD/RDID/ UPI BKP/UPI	Mei 2020 Ogos - Mei 2020 September 2020 Oktober 2020 Januari 2020 Jun 2020

No.	Aktiviti / Proses Kerja Utama & Bidang Risiko	Pelan Tindakan	TOR	Tanggungjawab	Sasaran Tarikh Pelan Terperinci
3.	Membuat tuntutan palsu	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pemeriksaan mengejut Ketua Seksyen / Unit berkenaan dan audit dalaman ke lokasi kerja lapangan setiap tiga bulan, 2. Menyediakan pusingan tugas pegawai (Job rotation), 3. Semakan tuntutan bayaran yang lebih ketat dan kerap, 4. Menyediakan SOP tuntutan yang lebih komprehensif, dan 5. Mengambil tindakan tatatertib (punitif) terhadap pegawai yang membuat tuntutan palsu. 	2,5 2,5 5 5 6	Ketua Seksyen berkenaan / UPI Ketua Seksyen berkenaan Ketua Seksyen / BKP (kewangan) BKP (kewangan) BKP / UPI	Ogos 2020 Ogos 2020 Ogos 2020 Ogos 2020 Sepanjang tahun

7.7 STRATEGI PEMANTAUAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Pelan Pengurusan Anti Rasuah (CRMP) perlu dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan aktiviti berpotensi rasuah dalam sesuatu bidang tugas / fungsi Bahagian / Unit dapat dibasmi sepenuhnya. Ini bertujuan untuk memperoleh hasil penilaian yang memberangsangkan di akhir tempoh sasaran yang telah ditetapkan.

7.7.1 PENGENALAN

Secara amnya, pemantauan Pelan CRMP adalah bertujuan untuk perkara-perkara seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi / diagram di bawah:-



7.7.2 PELAPORAN DAN JADUAL PEMANTAUAN PELAKSANAAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Setiap bidang tugas / fungsi Bahagian / Unit yang memiliki risiko rasuah dan dilaksanakan Pelan Tindakan CRMP perlu dipantau secara berkala. Kemajuan setiap Pelan Tindakan CRMP akan direkodkan secara bersistematik berdasarkan kepada format pelaporan seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Format Pelaporan dan Pemantauan Pelan CRMP

No.	Aktiviti / Proses Kerja Utama & Bidang Risiko	Pelan Tindakan	Tanggungjawab	Sasaran Tarikh	Kemajuan
1	Proses penilaian, semakan dan kelulusan lesen pembalakan tidak tepat	Audit daripada pihak ketiga (Audit Luar)	UPI	Disember 2020	
		Penambahbaikan prosedur (SOP) sedia ada	MPD /LID /UPI	Disember 2020	
		Kerahsiaan maklumat pegawai pemprosesan (akses orang luar ke Bahagian Pelesenan diperketatkan).	MPD /LID /UPI	Julai 2020	

2	Penyelewengan dalam proses perolehan barang dan perkhidmatan	Menambahbaik tatacara perolehan melalui jemputan supaya lebih telus	SPPDD /BKP/ RDID /SFD /UPI	Mei 2020	
		Meningkatkan kekerapan kursus motivasi dan nilai murni	BKP /UPI	Januari 2020 - Oktober 2020	
		Membuat pemeriksaan mengejut dan menjalankan audit dengan kerap	UPI	Mulai September 2020	
		Meningkatkan kekerapan kursus perolehan	BKP /UPI	Oktober 2020	
		Mewujudkan dasar pusingan / giliran penawaran kepada kontraktor yang memberi perkhidmatan yang sama.	SPPDD /BKP /RDID /SFD /UPI	Januari 2020	
		Mewujudkan saluran aduan berkesan dengan memperkenalkan ' <i>whistle blowing policy</i> ' Jabatan.	SPPDD /BKP /UPI	Jun 2020	

		Pemeriksaan mengejut Ketua Seksyen / Unit berkenaan dan audit dalaman ke lokasi kerja lapangan setiap tiga bulan	Ketua Seksyen berkenaan / UPI	Ogos 2020	
3	Membuat tuntutan palsu	Menyediakan pusingan tugas pegawai (<i>Job rotation</i>)	Ketua Seksyen berkenaan	Ogos 2020	
		Semakan tuntutan bayaran yang lebih ketat dan kerap	BKP (kewangan)	Ogos 2020	
		Menyediakan SOP tuntutan yang lebih komprehensif	BKP (kewangan) / UPI	Ogos 2020	
		Mengambil tindakan tatatertip (punitif) terhadap pegawai yang membuat tuntutan palsu.	BKP	<i>Sepanjang tahun</i>	

8.0 PENCAPAIAN SASARAN MENIDAKKAN (MEMBASMI / MEMBANTERAS) RASUAH


Jabatan Hutan Sarawak sangat komited dalam menangani risiko rasuah yang berlaku di dalam sesuatu bidang tugasan / fungsi Bahagian / Unit. Setiap risiko rasuah yang telah dikenalpasti dalam Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan akan dianalisa dan dicadangkan untuk ditangani / dikurangkan melalui mekanisme pilihan rawatan risiko (*TRAP*) seperti yang telah dibincangkan di para 5,6.

Jadual 7 menunjukkan sasaran Baki Tahap Risiko bagi setiap bidang tugasan / fungsi Bahagian / Unit setelah dilaksanakan tindakan *TRAP*. Rajah 4 memberikan gambaran pengurangan tahap risiko bagi setiap bidang tugasan / fungsi Bahagian / Unit melalui Pemetaan Risiko Rasuah (*Risk Map*).

Jadual 7:Sasaran Baki Tahap Risiko bagi setiap Bidang Tugasan / Fungsi Bahagian

No.	Aktiviti / Proses Kerja Utama & Bidang Risiko	Sedia Ada				Tindakan (TRAP)	Sasaran		
		Impak	Kebarangkalian	Tahap Risiko (Kasar)	Keberkesanan Kawalan		Impak Bersih	Kebarangkalian Bersih	Baki Tahap Risiko
1	Proses penilaian, semakan dan kelulusan lesen pembalakan tidak tepat	Major	Likely	High	Weak	Reduce	Moderate	Moderate	Significant
2	Penyelewengan dalam proses perolehan barang dan perkhidmatan	Major	Likely	High	Some Weaknesses	Reduce	Moderate	Moderate	Significant
3	Membuat tuntutan palsu	Major	Likely	High	Some Weaknesses	Reduce	Likely	Moderate	Significant

RAJAH 4: PEMETAAN SASARAN BAKI RISIKO RASUAH (*RESIDUAL RISK RATING*)



9.0 KESIMPULAN DAN PENUTUP

Pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak perlu melibatkan kerjasama dan sokongan di semua peringkat kakitangan Jabatan dan pihak-pihak yang berkepentingan. Kejayaan Jabatan dalam membanteras kegiatan rasuah secara keseluruhannya adalah bergantung kepada integriti kakitangan dalam menjalankan fungsi-fungsi jabatan.

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah ini akan menjadi panduan Jabatan dalam merangka dan melaksanakan tindakan punitif atau pencegahan rasuah. Dokumen ini akan terus dikemaskini dan dikaji semula selaras dengan perkembangan semasa. Pemantauan dan pelaporan terhadap pelan ini akan terus dilaksanakan secara berkala bagi menilai keberkesanannya.

Jabatan Hutan Sarawak sangat komited untuk melaksana Pelan Pengurusan Risiko Rasuah bagi mencapai visi dan misi Jabatan.